

## Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Cyber Monday Connect

**Tempoh Kempen**

“Kempen Cyber Monday Connect” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 2 Disember 2019 pada jam 0001 dan tamat pada 2 Disember 2019 pada jam 2359, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

**Terma & Syarat**

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“**T&S**”):-

**Kelayakan**

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:

- (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
- (b) Pengguna berdaftar Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect (“**Connect**”);
- (c) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Dua Puluh Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM24,000.00) setahun;
- (d) Mempunyai akaun semasa/akaun semasa-i dan/atau akaun simpanan/simpanan-i individu Hong Leong yang sah dan aktif (secara kolektif dirujuk sebagai “**CASA/CASA-i Hong Leong**”);
- (e) Tidak mempunyai sebarang Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada;
- (f) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu daripada produk berikut semasa Tempoh Kempen untuk tempoh dua hingga lima (2-5) tahun tempoh pembiayaan (“**Tempoh Kemudahan**”):-

|                             | <b>Amaun Kemudahan Dipohon(RM)</b> |                      |
|-----------------------------|------------------------------------|----------------------|
|                             | <b>Amaun Minima</b>                | <b>Amaun Maksima</b> |
| Pinjaman Peribadi HLB       | 5,000                              | 250,000              |
| Pembiayaan Peribadi-i HLISB | 5,000                              | 150,000              |

Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan**”;

- (g) Permohonan untuk Kemudahan dihantar melalui saluran permohonan Connect; dan
  - (h) Penyaluran untuk Kemudahan yang diluluskan oleh pihak Bank selewat-lewatnya pada 31 Januari 2020.
2. Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausus 1 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”.
3. Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
- (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
  - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
  - (c) Kakitangan tetap dan mempunyai kontrak dengan Bank.

### Mekanik Kempen

#### Kadar Faedah/Keuntungan Yang Dikenakan

4. Pelanggan Layak akan dikenakan kadar faedah/keuntungan mengikut cara yang tertera di Jadual 1:

**Jadual 1**

| Amaun Kemudahan Diluluskan                    | Kadar Faedah/Keuntungan Yang Dikenakan | Tempoh Kemudahan       |
|---|--|------------------------|
| RM5,000 – RM250,000 (Pinjaman Peribadi)       | 3.80% setahun                          | 2 tahun hingga 5 tahun |
| RM5,000 – RM150,000 (Pembentangan Peribadi-i) |  |                        |

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 7.07% setahun sehingga 7.15% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman/pembentangan-i.

5. Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk Amaun Kemudahan Diluluskan sebanyak RM5,000 sepanjang Tempoh Kemudahan lima (5) tahun adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2**

| Amaun Kemudahan Diluluskan* | Tempoh Kemudahan (Tahun) | Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) atas Amaun Kemudahan Diluluskan | Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan | Ansuran Bulanan**      |
|-----------------------------|--------------------------|---|--|------------------------|
| (a)                         | (b)                      | (c)   | (d) = (a) x (b) x (c)  | (e) = (a+d) / (b x 12) |
| 5,000                       | 5                        | 3.80%   | RM950  | RM100                  |

\*0.50% daripada Amaun Kemudahan Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan.

\*\*Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada RM5 terdekat.

### Umum

6. Dengan menyertai kempen ini, Pelanggan dengan ini:

- bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi Hong Leong dan Terma dan Syarat Pembentangan Peribadi-i Hong Leong;
- bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
- bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);

- iv. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2020 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2020 untuk sebarang sebab sekalipun;
  - v. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menjurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan;
  - vi. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
7. Bank berhak untuk:
- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan;
  - ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlaknya;
  - iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
8. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi/Pembentangan Peribadi-i Hong Leong](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi/Pembentangan Peribadi-i Hong Leong, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
9. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
10. T&S yang terkandung di sini dikawal selia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
11. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.